



---

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN KELANTAN**

---

**SPM 2019**

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2**

---

***UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA***

**SKEMA  
PEMARKAHAN**

---

1

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 2 – 1103/2**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN LIMA 2019**

**[Markah penuh : 110 markah]**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>										<b>Markah</b>
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

## Soalan 1 – Rumusan

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1	Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / strategi-strategi memulihara alam sekitar di negara kita.	2
P2	Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / strategi-strategi memulihara alam sekitar dan kesan-kesan negatif penebangan hutan yang dilakukan secara tidak terancang.	2
P3	Rumusan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / strategi-strategi memulihara alam sekitar dan kepentingan penjagaannya kepada manusia.	2
P4	Petikan / Rumusan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / strategi-strategi memulihara alam sekitar.	1
P5	Petikan membincangkan <i>langkah-langkah</i> memulihara alam sekitar. / Rumusan membincangkan <i>langkah-langkah</i> memulihara alam sekitar.	0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**  
**(Langkah-langkah memulihara alam sekitar)**

S1	masyarakat seharusnya menyuburkan amalan gaya hidup yang mengutamakan penggunaan sumber	2
S2	hutan perlu dipulihara dan diurus dengan baik	2
S3	kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu menghentikan kegiatan pembalakan haram	2
S4	mengadakan Kempen Cintai Sungai secara bersepadu di seluruh negara	2
S5	skop pendidikan di sekolah tentang alam sekitar juga perlu diperluas	2
S6	kerajaan juga telah mewujudkan hutan simpanan kekal	2
S7	kempen kesedaran perlu ditingkatkan pada peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan masyarakat awam	2
S8	kerjasama setiap individu dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	2

**Isi tersirat [4 hingga 12 markah]  
(Kepentingan penjagaannya kepada manusia)**

T1	dapat membekalkan oksigen yang mencukupi	2
T2	dapat menghirup udara yang segar / nyaman	2
T3	menjadi tempat rekreasi / riadah	2
T4	dapat membekalkan sumber air yang bersih / selamat	2
T5	menjadi punca pendapatan	2
T6	menjadi kawasan yang selamat untuk didiami	2

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**Kesimpulan [2 markah]**

K1	Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama memulihara alam sekitar agar khazanah alam dapat dilestarikan.	2
K2	Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama memulihara alam sekitar.	1
K3	Kesimpulannya, alam sekitar yang bersih penting dalam kehidupan manusia.	0

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20	9-10	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda baca / ejaan betul</li> </ul>
	15-17	7-9	
Sederhana	12-14	6-7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda baca / ejaan memuaskan</li> </ul>
	8-11	4-6	
Lemah	1-7	1-4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota:**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah untuk bahasa**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : 9 markah
- Soalan 2(b) : 9 markah
- Soalan 2(c) : 8 markah
- Soalan 2(d) : 9 markah

### Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup tetapi ayat kurang gramatis	1
• Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
• Jawapan tidak tepat /salah	0

3. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

4. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

## (i) Maksud

- menentukan / menetapkan / berterusan / berlanjutan / berkesinambungan 2
- memastikan / berterusan / berlanjutan / berkesinambungan 1
- menentukan / menetapkan / kelangsungan 1

## (ii) Kesan-kesan

- P1 cuaca juga akan menjadi panas dan kering 1
- P2 habitat semula jadi turut musnah 1
- P3 kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan 1
- P4 bencana banjir dan tanah runtuh yang kerap berlaku 1

[Maksimum : 3 markah]

## (iii) Peranan pihak sekolah

- P1 memperkasa aktiviti kelab / persatuan agar mereka mendapat pendedahan yang menyeronokkan tentang alam sekitar [1+1]
- P2 mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan agar persekitaran terus terjaga [1+1]
- P3 menerapkan dalam mata pelajaran agar mereka lebih memahami tanggung jawab menjaga alam sekitar [1+1]
- P4 mengadakan kempen berkaitan alam sekitar yang melibatkan semua murid untuk menjayakannya [1+1]

(Peranan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

## Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

## (i) Hasrat penulis

- P1 menjual jaket kulit kijang itu di kedai menjual pakaian terpakai 1
- P2 menawarkan harga kurang daripada seratus ringgit kepada tauke kedai 1
- P3 mendermakan wang jualan jaket kulit itu kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang 1

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

## (ii) Cara-cara

## (ii) Cara-cara

P1	mencari maklumat yang tepat daripada media	1
P2	bertanyakan kenalan yang pernah melancong / tinggal di negara tersebut	1
P3	tidak berjalan sendirian	1
P4	membuat perbandingan harga	1
P5	tidak menggunakan kad kredit	1
P6	menawarkan harga sebelum membeli barangan	1

(Cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

## (iii) Perwatakan penulis dalam petikan

P1	<b>Seorang yang prihatin</b> Penulis mahu menggembirakan hati sahabatnya iaitu Shahmeem dengan membeli jaket kulit kijangnya.	[1+1]
P2	<b>Seorang yang baik hati</b> Penulis mahu menjualkan jaket kulit kijang kepada tauke kedai terpakai dengan harga kurang daripada seratus ringgit.	[1+1]
P3	<b>Seorang yang pemurah</b> Penulis mahu mendermakan hasil jualan jaket kulit kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang.	[1+1]

## Perwatakan penulis dalam keseluruhan cerpen

K1	<b>Seorang yang berhemat</b> Penulis telah membuat senarai perancangan belanjawan ketika melancong di Turki.	[1+1]
K2	<b>Seorang yang penyayang</b> Penulis telah membeli tiga piring makanan burung dan menaburkannya kepada burung merpati ketika berada di Egyptian Market. / Penulis tidak berminat dengan jaket kulit kijang kerana kijang terpaksa dibunuh untuk mendapatkan kulitnya.	[1+1]
K3	<b>Seorang yang suka merendahkan diri</b> Penulis tidak berniat untuk membeli jaket kulit kijang kerana harganya yang mahal melambangkan kemegahan dan kemewahan.	[1+1]
K4	<b>Seorang yang gemar melancong</b> Penulis pernah mengembara hampir ke seluruh dunia seperti Bangladesh, United Kingdom, Indonesia dan Turki.	[1+1]

(Perwatakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 2 isi (P + K)]



## Soalan 2(c) – Prosa Klasik

## (i) Maksud tiada muafakat

- |   |  |   |
|---|--|---|
| - | tidak ada / tidak / kesepakatan/ rundingan / persetujuan | 2 |
| - | tiada / kesepakatan/ rundingan / persetujuan             | 1 |
| - | tidak ada / tidak / muafakat                             | 1 |

## (ii) Tindakan Seri Nara Diraja

- |    |  |   |
|----|--|---|
| P1 | disuruh naik                                       | 1 |
| P2 | disuruh duduk dekat                                | 1 |
| P3 | diriba   | 1 |
| P4 | bertanya kepada semua orang tentang status anaknya | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

## (ii) Persediaan-persediaan untuk menjadi pemimpin berkaliber

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | melengkapkan dengan ilmu pengetahuan yang luas              | 1 |
| P2 | menjadikan tokoh pemimpin terkenal sebagai sumber inspirasi | 1 |
| P3 | mempunyai semangat waja dalam diri                          | 1 |
| P4 | melatih diri bersikap jujur / berintegriti                  | 1 |

(Persediaan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

## Soalan 2(d) – Sajak

## (i) Perasaan yang dialami oleh penyajak

- |    |                 |   |
|----|-----------------|---|
| P1 | kesunyian       | 1 |
| P2 | tersisih        | 1 |
| P3 | kasih akan anak | 1 |

[Maksimum : 2 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

## (i) Langkah-langkah

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | ibu bapa menjadi suri teladan   | 1 |
| P2 | pihak sekolah menerapkan nilai murni terhadap warga emas                    | 1 |
| P3 | kerajaan mengadakan kempen menyayangi warga emas                            | 1 |
| P4 | pihak swasta menganjurkan program menghargai warga emas                     | 1 |
| P5 | media massa menyiarkan rancangan / dokumentari tentang kehidupan warga emas | 1 |

(Langkah yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

## (iii) Dua pengajaran berdasarkan rangkap sajak

- |    |  |       |
|----|--|-------|
| P1 | Kita janganlah mengabaikan ibu bapa apabila mereka sudah tua agar mereka tidak kesunyian.                      | [1+1] |
| P2 | Kita hendaklah bertanggung jawab menjaga kedua-dua ibu bapa setelah mereka tua agar mereka tidak berasa sedih. | [1+1] |
| P3 | Kita perlulah tabah menghadapi cabaran pada masa hari tua agar tidak berasa kecewa.                            | [1+1] |
| P4 | Kita mestilah sayang akan ahli keluarga dan sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka.                           | [1+1] |

(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

**Soalan 3**

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a): 6 markah

Soalan 3(b): 6 markah

Soalan 3(c): 6 markah

Soalan 3(d): 6 markah

Soalan 3(e): 6 markah

**Perhatian bagi soalan 3 (a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Isi tidak jelas, berikan ½ markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

**Jawapan 3 (a)****(i) kos**

harga yang perlu dibayar untuk memperoleh, mengeluarkan, menyenggara, dsb sesuatu, biasanya berupa wang, masa dan tenaga, perbelanjaan

**kes**

1. perkara, hal, kejadian
2. (Udg) prosiding di mahkamah yang melibatkan persoalan undang-undang dan ekuiti.

**(ii) inisiatif**

daya usaha (tindakan dll) yang mula-mula

**insentif**

sesuatu (yang berupa kebendaan atau tidak) yg diberikan atau ditawarkan sebagai dorongan atau galakan, dorongan, galakan

**(iii) format**

1. bentuk dan rupa serta ukuran (saiz) tertentu sesebuah naskhah yang dicetak
2. gaya atau susunan sesuatu rancangan penerbitan (mis siri TV) yg dipersembahkan

**formula**

1. (Kim) seperangkat simbol yg terdiri daripada huruf dan angka yg menunjukkan komposisi unsur sesuatu bahan, mis formula utk karbon monoksida ialah CO, rumus
2. (Mat) aturan, prinsip, hubungan dsb matematik yg dinyatakan dlm bentuk simbol, rumus
3. kaedah (cara, tindakan, rancangan dsb) utk mencapai sesuatu hasil (kejayaan dsb) atau menyelesaikan sesuatu masalah dsb dengan sebaik-baiknya
4. senarai bahan, arahan dsb dalam menghasilkan sesuatu ubat dsb
5. pengelasan atau perlumbaan kereta lumba berdasarkan kapasiti enjin, saiz enjin dsb

**[6 markah]****Jawapan 3(b) – Pola ayat****Markah**

(i)	FN + FN	1
(ii)	FN + FA	1
(iii)	FN + FK	1
(iv)	FN + FK	1
(v)	FN + FS	1
(vi)	FN + FK	1

**[6 markah]****Jawapan 3(c) – Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- |       |             |   |             |
|-------|-------------|---|-------------|
| (i)   | ahklak      | - | akhlak      |
|       | memperlukan | - | memerlukan  |
| (ii)  | kueh-mueh   | - | kuih-muih   |
|       | membuat     | - | dibuat      |
| (iii) | mempelajari | - | dipelajari  |
|       | keselematan | - | keselamatan |

**[6 markah]**

**Jawapan 3 (d)****Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tatabahasa**

- |       |                       |   |                           |
|-------|-----------------------|---|---------------------------|
| (i)   | yang melepaskan       | - | agar                      |
|       |                       | - | menghentikan              |
| (ii)  | Oleh kerana membuang  | - | Oleh sebab                |
|       |                       | - | membanteras / memberantas |
| (iii) | bertempiran           | - | bertaburan                |
|       | dikumpulkan oleh kami | - | kami kumpulkan            |

**[6 markah]****Jawapan 3 (e) – Peribahasa**

- |       |   |            |
|-------|---|------------|
| (i)   | bagai tikus membaiki labu   | [2 markah] |
| (ii)  | bagai kacang lupakan kulit  | [2 markah] |
| (iii) | hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga / harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama | [2 markah] |

**[6 markah]**

**Soalan 4 - Novel**Markah penuh **15** markah

(a)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa bahagian peloralan** yang betul / tepat.
- (iv) Beri 1 markah bagi **sebab** yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*:
  - Baik : 3 markah
  - Sederhana : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 7 markah]**

(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan pengajaran tentang hormat-menghormati** yang betul.
- (iv) Beri 2 markah bagi setiap contoh peristiwa / huraian yang lengkap / jelas / tepat untuk **pengajaran tentang hormat-menghormati**.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*:
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 8 markah]**

#### 4 (a) Peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat :

##### NOVEL PANTAI KASIH

###### 1. Peristiwa

Doktor Raiha bertanggungjawab membedah Doktor Uwang setelah beliau terlibat dalam kemalangan iaitu terlanggar tembok garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembedahan harus dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa Doktor Uwang dan menggantikan sendi pada lutut dan sebelah pergelangan tangannya yang parah.

###### Sebab

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Doktor Raiha sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang doktor.

###### 2. Peristiwa

Felicia Landosi memohon maaf daripada Doktor Raiha kerana telah menjadi budak suruhan untuk membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz pada malam kematian anak perempuannya itu. Felicia juga menyatakan bahawa dia tidak tampil di mahkamah sebagai saksi kerana takut.

###### Sebab

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana sifat berani Felicia yang mengakui kesilapannya dan sanggup memohon maaf.

###### 3. Peristiwa

Doktor Raiha telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan.

###### Sebab

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

##### NOVEL BIMASAKTI MENARI

###### 1. Peristiwa

Seorang penduduk tempatan telah membuat aduan tentang aktiviti bukan perladangan di sebuah ladang kelapa sawit yang terletak jauh di pedalaman Bestari Jaya. Pasukan Gerak Khas telah diarahkan ke lokasi tersebut untuk mengadakan serbuan dan tangkapan. Selepas berbalas tembakan, Muhammad Taufik berjaya diselamatkan.

###### Sebab

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana wujudnya kerjasama daripada penduduk setempat dengan pihak polis sehingga berjaya menyelamatkan Muhammad Taufik.

2. **Peristiwa**  
Nurul Hafsa, Haji Yassir dan Budiman berada di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor untuk menghadiri kenduri kesyukuran bagi meraikan pernikahan kali kedua Tan Sri Muhaimin dan bekas isterinya, Puan Maryam Wickham.

**Sebab**

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham telah mengambil tindakan yang tepat untuk berkahwin semula demi kebahagiaan mereka sekeluarga.

3. **Peristiwa**

Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa.

**Sebab**

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana pada akhir cerita, Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa akan berkahwin.

(Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 7 markah]

- 4(b) **Pengajaran tentang hormat-menghormati :**

**NOVEL PANTAI KASIH**

1. **Kita hendaklah menghormati hak orang lain**

Doktor Uwang selaku pemilik Pusat Rawatan Pantai Kasih perlu menghormati hak pesakitnya termasuklah Unong Siron dengan memberikan rawatan yang terbaik. Unong Siron tidak perlu menjalani pembedahan sehingga enam kali untuk menyembuhkan penyakitnya.

2. **Kita hendaklah menghormati orang yang lebih tua.**

Felicia telah ditegur oleh Doktor Raiha kerana telah melayan ibu Unong Siron dengan kasar. Felicia sepatutnya melayan ibu Unong Siron yang lebih tua daripadanya dengan baik. Tambahan pula mereka ialah pelanggan Pusat Rawatan Pantai Kasih.

3. **Kita hendaklah menghormati pasangan hidup masing-masing.**

Doktor Sadiz tidak bersetuju apabila isterinya, Doktor Raiha mahu meneruskan kandungannya yang cacat. Dia juga mahu menghantar anaknya ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak yang mengalami sindrom Down, sedangkan Doktor Raiha mahu menjaga anaknya sendiri.

4. **Kita hendaklah menghormati pendapat orang lain.**

Doktor Raiha bersetuju dengan pendapat ibu Unong Siron yang mahu memujuk pemuda kurang siuman dalam tragedi pencerobohan PRPK dan penculikan Felicia Landosi. Akhirnya pemuda itu berjaya dipujuk dan dihantar ke hospital besar yang sebenarnya sebuah hospital sakit jiwa.



**NOVEL BIMASAKTI MENARI****1. Kita mestilah menghormati orang yang lebih tua.**

Nurul Hafsa dan Budiman sanggup menunggu kepulangan ayahnya untuk menikmati hidangan tengah hari bersama. Budiman sanggup menahan lapar semata-mata untuk menunggu ayahnya pulang dari kebun.

**2. Kita mestilah menghormati pendapat orang lain.**

Nurul Hafsa menghormati pendapat Muhammad Taufik yang telah memagar sebahagian sungai di Kampung Kuantan demi mengembalikan populasi kelip-kelip. Pada mulanya Nurul Hafsa menyangka tindakan Muhammad Taufik adalah untuk kepentingan dirinya sendiri.

**3. Kita hendaklah menghormati hak orang lain.**

Walaupun Tan Sri Muhaimin telah berpisah dengan isterinya iaitu Pn Maryam Wickham, beliau tetap membenarkan bekas isterinya untuk menjaga dan melawat anak mereka iaitu Muhammad Taufik.

**4. Kita hendaklah menghormati tugas seseorang demi keamanan negara.**

Keluarga Nurul Hafsa dan Tan Sri Muhaimin sentiasa menghormati tugas yang dilaksanakan oleh Inspektor Lim Teck Hoe untuk menyelesaikan kes penculikan Muhammad Taufik. Mereka memberi kerjasama sepenuhnya sehingga Muhammad Taufik berjaya dibebaskan.

**(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum 8 markah]**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**